

**PROTES SOSIAL YANG DIGAMBARKAN DALAM CERPEN TAMIL
TERBITAN AKHBAR TAMIL NESAN**

RAVICHANDRAN A/L SUBRAMANIAM

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
BAGI MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(KESUSASTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)**

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti unsur protes sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* dalam tempoh 2005-2010. Kajian ini mengenengahkan isu-isu sosial yang menjadi penghalang kepada pembangunan masyarakat serta cabaran yang dilalui ketika itu dalam mendepani arus perdana pembangunan negara. Kaedah kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dan analisis teks serta teori sosiologi sastera. Kajian meliputi 40 buah cerpen terpilih dari akhbar *Tamil Nesan*, dapatan kajian menunjukkan bahawa para cerpenis telah menggunakan kepincangan masyarakat yang dapat dikategorikan kepada 15 tema sebagai protes sosial rakyat. Keadaan daif dan kepincangan yang wujud dalam masyarakat ditonjolkan melalui tema seperti penceraian, penyalahgunaan dadah, tanggungjawab anak, kehidupan yang tidak tentu hala, maruah keluarga, tali persaudaraan, kemandulan, pengorbanan isteri, feminism, kecurangan suami atau isteri, disiplin pelajar, kasta, keganasan remaja dan pembuangan bayi. Isu-isu ekonomi seperti persaingan dan cabaran untuk meningkatkan taraf hidup agar dapat keluar dari kepompong kemiskinan, masalah politik serta isu-isu pendidikan yang dialami masyarakat India membuktikan protes sosial terdapat dalam cerpen-cerpen Tamil pada ketika itu. Secara keseluruhannya, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* mencerminkan realiti kehidupan yang dilalui oleh masyarakat India di negara ini. Pengkaji kajian ini dapat diteruskan dan dijadikan panduan untuk kajian selanjutnya berhubung dengan masalah sosial masyarakat India di negara ini.



05

kepompong kemiskinan, masalah politik serta isu-isu pendidikan yang dialami masyarakat India membuktikan protes sosial terdapat dalam cerpen-cerpen Tamil pada ketika itu. Secara keseluruhannya, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* mencerminkan realiti kehidupan yang dilalui oleh masyarakat India di negara ini. Pengkaji kajian ini dapat diteruskan dan dijadikan panduan untuk kajian selanjutnya berhubung dengan masalah sosial masyarakat India di negara ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SOCIAL PROTEST PORTRAYED IN THE SHORT STORIES PUBLISHED BY *TAMIL NESAN* DAILY.

ABSTRACT

This study intends to analyse short stories published in the *Tamil Nesan* within 2005 to 2010. The first objective of the study is to identify the social protest found in these short stories. Secondly, the objective is to analyse the motive of the social protest, the social politic and education. Thirdly, it is to analyse the society background which caused the social protest portrayed by the writers during that time. This study focuses the social issues which hindered the development of the society and the challenges faced at the time of the nation's development. A qualitative method of library research and text analysis and Sociology of literature theory were used to study the 40 selected short stories from *Tamil Nesan*. The findings show the writers had used social issues in the society which could be categorized into 15 themes as a protest by the people. Poverty and social issues that are present in the society portrayed through themes such as divorce, drug abuse, responsibility towards children, unsteady life, family honour, family relationship, sterility, sacrifice of wives, feminism, infidelity, discipline among school students, cast, teenage violence and abandoned babies. Economic issues such as the competition and the challenges to raise the living standards in order to escape the poverty, political problems and educational issues faced by the Indian community proved that the existence of social protests in the short stories published by *Tamil Nesan* reflects the reality of the Indian Community in this country. The researcher hopes the study can be continued and made use as a guide for further studies in the field of social issues among the Indian community in this country.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
TRANSLITERASI	xiv

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Kepentingan Kajian	7
1.4 Kaedah Kajian	9
1.5 Teori Kajian	12
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Soalan Kajian	14
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Sumber Kajian	18
1.10 Definisi Konsep	19
1.11 Kesimpulan	21

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

1.0	Pengenalan	22
2.1	Kajian-kajian Terdahulu	23
2.2	Kesimpulan	41

BAB 3 : METHODOLOGI KAJIAN

2.0	Pendahuluan	42
3.1	Reka Bentuk Kajian	42
3.2	Kerangka Kajian	44
3.3	Kerangka Teori	45
	3.3.1 Aliran Fungsi Model Pencerminan	55

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	57
4.1	Protes sosial Dalam Cerpen	
	Terbitan Akhbar Tamil Nesan	58
4.2	Protes Sosial Berkaitan Sosial	59
4.2.1	Isu Penceraihan	60
4.2.2	Isu Penyalahgunaan Dadah	67
4.2.3	Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa	75
4.2.4	Isu Kehidupan Tidak Menentu Hala	82
4.2.5	Menjaga Maruah Keluarga	86



4.2.6 Isu Kepentingan Tali Persaudaraan	89
4.2.7 Kemandulan	93
4.2.8 Pengorbanan Isteri	96
4.2.9 Isu Feminisme	100
4.2.10 Isu Kecurangan Suami Isteri	109
4.2.11 Isu Disiplin Pelajar	117
4.2.12 Isu Kasta	124
4.2.13 Isu Keganasan Remaja	127
4.2.14 Isu Pembuangan Bayi	131
4.3 Protes sosial Berkaitan Ekonomi	133
4.3.1 Tekad untuk maju	134
4.3.2 Keresahan Hati Si Pemutang	137
4.3.3 Kemiskinan	141
4.4 Protes sosial Berkaitan Faktor Politik.	142
4.4.1 Sumbangan Pendidikan MIC	144
4.5 Isu Pendidikan	147
4.6 Kesimpulan	157

BAB 5 : PENUTUP

5.0 Pendahuluan	159
5.1 Penemuan	160
5.1.1 Sosial	160
5.1.2 Ekonomi	165
5.1.3 Politik	166



 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi
5.1.4 Pendidikan 167				
5.1.5 Analisis Motif 171				
5.1.6 Analisis Protes Sosial 175				
5.2 Cadangan Kajian Selanjutnya 178				
5.3 Kesimpulan 180				
RUJUKAN 182				

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Cerpen-cerpen yang dipilih untuk kajian ini.	15
4.1 Statistik Penceraian 2010-2013	65
4.2 Statistik Penagih Dadah Di Malaysia Pada Tahun 2012	74
4.3 Ahli Kongsi Gelap Di Malaysia Mengikut Kaum	121
4.4 Peratus Pelajar Mengikut Kaum Yang Mendapat Tempat di 20 IPTA pada sesi 2011/2012.	154
5.1 Jumlah Isu-Isu Sosial Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Tamil Nesan</i> .	164
5.2 Jumlah Isu-Isu Ekonomi Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Tamil Nesan</i>.	165
5.3 Jumlah Isu-Isu politik Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Tamil Nesan</i> .	167
5.4 Jumlah Isu-Isu Pendidikan Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Tamil Nesan</i> .	171
5.5 Analisis Motif Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Tamil Nesan</i> .	173
5.6 Analisis Proses Sosial Yang Terdapat Dalam Cerpen Terbitan Akhbar <i>Tamil Nesan</i> .	176

SENARAI RAJAH

No Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Kajian	44
3.2 Kerangka Teori	45
3.3 Aliran Fungsi Model Pencerminan	55

SENARAI SINGKATAN

IPTI JB	-	Institut Perguruan Temenggung Ibrahim Johor Bahru
MIC	-	<i>Malaysian Indian Congress</i>
HIV	-	<i>Huma Immunodeficiency Virus</i>
hlm	-	Halaman
USM	-	Universiti Sains Malaysia
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
PDRM	-	Polis Diraja Malaysia
UMNO	-	<i>United Malays National Organisation</i>
PEMANDU	-	<i>Perfomance Management And Delivery Unit</i>
SEED	-	 Perpustakaan Tuanku Bainun Sekretariat Khas Untuk Memperkasakan Usahawan India
MIED	-	<i>Maju Institute Of Educational Development</i>
Universiti AIMST	-	<i>Universiti The Asian Institute Of Medicine,Science And Technology</i>
MCA	-	<i>Malaysian Chinese Association</i>
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
IPTA	-	Institut Pelajaran Tinggi Awam
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam

TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada Sistem Transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

VOKAL / உயிரெழுத்துகள்:

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	ā	ஏ	-	ē
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஏ	-	ī	ஓ	-	o

ஊ	-	ū	ஓள	-	au
---	---	---	----	---	----

ஆய்த எழுத்து :

ஃ	-	k
---	---	---

KONSONAN / மெய்யெழுத்துகள் :

க்	-	k	ம்	-	m
ங்	-	n	ஃ	-	y
ச்	-	c	ர்	-	r
ஞ்	-	ñ	ல்	-	l
ட்	-	t	வ்	-	v
ண்	-	ṇ	ஃ	-	l
த்	-	t	ன்	-	l
ந்	-	n	ற்	-	r

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Cerpen merupakan cerminan sesuatu masyarakat. Cerpen mencerminkan protes sosial

 05-4506832   Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi yang berlaku dalam kalangan sesebuah masyarakat mahupun dalam sesebuah keluarga.

Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* ini bertemakan protes sosial yang berhubung kait dengan institusi keluarga, pendidikan, taraf kehidupan, ekonomi, agama, wanita, warga tua, kesihatan, kepercayaan, skim cepat kaya, skim pinjaman haram, semangat cintakan bahasa ibunda, politik, semangat patriotik dan sebagainya.

Pendek kata, cerpen dapat mencerminkan pemikiran dan budaya sesuatu masyarakat. Bahasa pula merupakan alat perantaraan cerpen yang menyampaikan mesej kepada masyarakat. Tidak dapat dinafikan bahawa protes sosial saling bergantung dengan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

persembahan cerpen para penulis. Oleh yang demikian, para cerpenis cuba mencungkil isu-isu yang bertemakan sosial masyarakat dan pendekatan ini akan membentuk jiwa seseorang untuk diguna pakai dalam kehidupan hariannya.

Kajian ini akan merangkumi cerpen yang diterbitkan oleh akhbar *Tamil Nesan* di Malaysia. Akhbar *Tamil Nesan* menyiarakan cerpen-cerpen yang mengandungi protes sosial bagi menarik perhatian para pembaca dalam kalangan masyarakat India di Malaysia yang mempunyai sejarah perkembangan bahasa Tamil di negara ini. Secara tidak langsung akhbar ini menyarankan pihak-pihak tertentu untuk menghulurkan bantuan dan perhatian kepada masyarakat India demi mengurangkan protes sosial yang dihadapi oleh mereka.



05-4506832



Maka wujudlah para cerpenis yang sering menyentuh protes sosial dalam kalangan masyarakat India. Cerpenis cuba mencapai matlamat dan objektif penulisan cerpen genre. Objektifnya ialah mewujudkan kesedaran dan semangat masyarakat India di negara ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia telah bermula sejak awal abad ke 20, iaitu penghijrahan masyarakat India dari India Selatan dan Sri Lanka dan mula bertapak di Malaysia yang ketika itu dikenali sebagai Tanah Melayu. (M. Krishnan, 2007, hlm. 231)

Imigran masyarakat India berasal dari Chennai (Madras) dan Nagapattinam. Manakala masyarakat India dari Sri Lanka pula berasal dari kawasan pantai barat negara itu. Faktor kemiskinan dan kebuluran telah menyebabkan mereka berhijrah ke Tanah Melayu pada ketika itu untuk mendapatkan pekerjaan bagi menyara hidup. (Arasaratnam.S, 1966, hlm. 55)

dan kopi di kawasan-kawasan utara dan selatan Tanah Melayu. Akan tetapi kejatuhan harga kopi dan tebu telah menyebabkan sebilangan daripada mereka balik ke India semula.

Bagi mereka yang terus menetap di Tanah Melayu telah menerima durian runtuh apabila pengusahaan getah secara besar-besaran mula dijalankan di Tanah Melayu. Pihak pemerintah Inggeris telah mengambil beberapa langkah demi membantu masyarakat India di Tanah Melayu dengan mengambil mereka bekerja di ladang-ladang getah di seluruh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

negara. Masyarakat India dibawa masuk oleh pihak pemerintah Inggeris dan ramai antara mereka berlatarbelakangkan pendidikan Inggeris dan Tamil.

Golongan masyarakat India yang berpendidikan Tamil telah menjadi pencetus kepada perkembangan dan kemajuan penulisan cerpen Tamil di negara ini justeru , akhbar-akhbar harian Tamil juga diterbitkan. Golongan ini telah membantu perkembangan kesusastraan Tamil dalam bidang cerpen, novel, sajak, rencana dan sebagainya.

Perubahan pemikiran yang berlaku dalam pembentukan masyarakat India dan penerbitan akhbar-akhbar Tamil telah menjadi faktor dorongan bagi kelahiran penulis-penulis veteran sehingga terbitnya hasil karya-karya bercorak sosial yang mencerminkan kehidupan masyarakat India di negara ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Taraf kehidupan masyarakat India, taraf pendidikan, kepentingan keagamaan, taraf sosio-ekonomi, taraf sosial, kegiatan para belia dan beliawanis, sumbangan parti politik dan sukarelawan, hubungan kekeluargaan, peranan ahli keluarga, sambutan perayaan, sumbangan masyarakat India terhadap pembangunan negara Malaysia, perpaduan kaum, kepentingan sains dan teknologi, bidang perubatan dan sebagainya telah menjadi pilihan tema karya-karya cerpenis. (M. Krishnan, 2007, hlm. 58)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Antara pengkarya yang terkenal di Malaysia adalah Ca.Anbananhthan, C.Vadivelu, R.Karthigesu, N.Parthacarathi, Jevananhtham, Bir Mohammad, Shanmuka Siva, N.Makeswary, S.P.Bama, Kalyani Maniam, M.Ramaiya:, Mu.Anbuchelvan, Thulasi Annamalai, Bangsar A.Annamalai, Ammani, Jasin Thevarajan, K.Murugan, S.Vadiveloo dan lain-lain lagi. Penulis-penulis cerpen Tamil di Malaysia telah memberi sumbangan yang amat banyak dalam bidang cerpen Tamil di Malaysia. (M. Krishnan, 2007, hlm. 55)

Cerpen-cerpen yang terkenal di Malaysia pula ialah *Maraval:ik Kila-ngu, Taukeh Ika:n, Cangkamam dan Amavacai, Catu Ringgit* dan lain-lain lagi. Cerpen Tamil pertama Malaysia dihasilkan oleh V.Cinniah Pillai. Karya antologi cerpen beliau iaitu *Navaraca kathai manjchari (Ivai Inia Katpithak Kathaikal:)* merupakan cerpen Tamil pertama di negara ini (Subramaniam,N.1980). Satu kajian yang terperinci diperlukan untuk mengkaji



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian protes sosial hasil karya para penulis Tamil di Malaysia merupakan satu kajian yang amat bermakna bagi masyarakat India di negara ini. Hal ini demikian kerana segala masalah masyarakat India di negara ini dapat dikupas dengan lebih mendalam dan teliti oleh para cerpenis.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini memaparkan isu-isu sosial yang menjadi punca penghalang pembangunan masyarakat India kerana masyarakat India telah dan sedang menghadapi pelbagai masalah sosial dalam mendepani cabaran arus pembangunan negara. Pengkaji juga ingin mengkaji sejauh mana protes sosial ini akan membantu para pembaca mengambil tahu keadaan masyarakat India pada masa kini.

Akhbar Tamil jelas memaparkan kehidupan masyarakat India dan masalah sosial yang dihadapinya melalui penulisan cerpen. Justeru, kajian ini perlu dilakukan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah sosial yang dihadapi dan seterusnya dapat mengenal pasti langkah-langkah yang sepatutnya boleh diambil bagi mengatasi masalah-masalah sosial ini.



05-4506832



Akhbar Tamil Nesan berusaha untuk menyiarkan cerpen-cerpen yang



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



menceritakan

protes sosial masyarakat, tema, watak dan perwatakan serta corak dan pemikiran masyarakat India di negara ini. Hasil penulisan ini mengimbas kembali kehidupan sanak-saudara masyarakat India pada ketika itu. Disamping itu, masalah-masalah yang telah dihadapi oleh masyarakat India di negara ini juga turut menjadi intipati cerpen-cerpen terbitan akhbar tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* juga menjadi media penyebar maklumat dan komunikasi serta menjadi panduan kehidupan masyarakat India di negara ini. Peranan akhbar-akhbar ini membentuk satu ideologi dalam kalangan para pembaca. Dengan ini, para pembaca juga akan sentiasa peka terhadap isu-isu yang berlaku di sekitar mereka dan cuba bertindak mengikut perubahan dan keadaan semasa.

Sebagai kesimpulan, cerpen-cerpen terbitan akhbar *Tamil Nesan* banyak menyumbang ke arah pemikiran dan pembangunan masyarakat India di negara ini. Oleh yang demikian, amatlah wajar cerpen-cerpen tersebut dikaji dari sudut protes sosial yang dihadapi masyarakat India pada masa kini. Kajian ini perlu dijadikan dokumen sejarah masyarakat India di negara ini untuk panduan generasi akan datang.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.3 Kepentingan Kajian

Tidak dinafikan bahawa setiap kajian mempunyai kepentingannya tersendiri. Begitu juga, dengan kajian ini. Pengkaji yang mengkaji masalah sosial dalam cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar Tamil di Malaysia turut mempunyai kepentingan yang akan memberi impak kepada pengkaji dan juga pembaca.

Pengkaji berpendapat bahawa kajian terhadap cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam akhbar-akhbar Tamil di Malaysia sangat penting. Tambahan pula, kajian lebih



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menjurus kepada aspek sosial yang agak menonjol dan lantang dalam mengkritik isu-isu sosial, ekonomi, politik dan pendidikan di negara ini. Sebagai contohnya, cerpen yang bertajuk *Calañam* (ketidak tenteraman hati) memaparkan protes sosial dalam kalangan masyarakat India , manakala cerpen menceritakan tentang isu sosial dan *Kañan Pañtar Neñcam Pōl* (Pemuitang) menceritakan isu ekonomi manakala *Cakara Nākāli* (Kerusi Beroda) pula membicarakan isu politik.

Kajian ini bertujuan untuk melahirkan kesedaran dalam kalangan masyarakat India tentang ilmu sosiologi. Pengkaji dan para pembaca akan dapat menghayati dan menaakul masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India yang digambarkan melalui cerpen-cerpen tersebut.



05-4506832



Selain itu, kajian ini juga memberi pengajaran kepada para pembaca tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang kini mudah dilupakan oleh golongan remaja dan belia yang dibuai keseronokan dan hanyut dalam kehidupan modenisasi.

Perpustakaan Tuanku Bainun



pustakaTBainun



ptbupsi

Seterusnya, kajian ini dapat memperkaya kajian-kajian berkaitan sosiologi sastera dalam bahasa Tamil yang masih berkurangan. Pengkaji cuba mengupas penggunaan aspek sosiologi dan mengambil kira isu-isu sosial yang terpapar dalam cerpen-cerpen.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini menjadi pilihan pengkaji untuk dianalisis bertujuan untuk mendokumentasikan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia. Pengkaji berharap agar menjadi bahan rujukan dan dokumen sejarah yang memerihalkan kehidupan masyarakat India di negara ini.

Kajian tentang cerpen Tamil terbitan akhbar *Tamil Nesan* ini akan menjadi rujukan kepada para siswazah dan juga pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan di samping mencipta dan menampilkan cerpen-cerpen yang menggambarkan masalah kehidupan masyarakat India di negara ini. Secara tidak langsung kajian ini akan memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusastraan dan bahasa Tamil untuk mengenali akhbar *Tamil Nesan* dan menjadikan akhbar ini sebagai sumber bacaan utama.



05-4506832



Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan Langkah-langkah yang



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

harus diambil supaya masalah sosial yang dihadapi masyarakat India dapat diselesaikan. Saranan dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini boleh dijadikan panduan dan cara penyelesaian masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia.

1.4 Kaedah Kajian

Penyelidikan ini pada dasarnya satu kajian analisis deskriptif. Kaedah ini digunakan untuk memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kehidupan sosial masyarakat India di



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini telah menggabungkan dua kaedah secara bersepada iaitu kaedah analisis teks dan kaedah kajian kepustakaan.

1.4.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Sesebuah kajian ilmiah biasanya melibatkan dua cara penyelidikan sama ada kajian perpustakaan ataupun kajian lapangan. Oleh sebab kajian ini dibuat berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan dan yang masih dalam bentuk manuskrip dan untuk memastikan kajian yang dibuat berjalan dengan lancar dan bersistematik, maka kaedah perpustakaan dirasakan amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini. Antara bahan yang akan diperoleh adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, bahan internet dan bahan-bahan rujukan daripada sumber lain. Kajian perpustakaan ini dijalankan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

untuk membuat rujukan tentang definisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji dan mencari kajian masa lampau oleh tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan melalui laman web. Begitu juga dengan penggunaan buku, pengkaji akan menggunakan pelbagai jenis buku dari tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hingga sekarang. Pengkaji juga tidak terlepas daripada merujuk latihan ilmiah oleh pengkaji-pengkaji



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang lepas. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dari segi ilmu dan sebagai panduan dalam menyediakan latihan ilmiah.

1.4.2. Kaedah Analisis Teks

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks yang meliputi analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengupas protes sosial yang terpapar dalam cerpen. Olek sebab kajian ini mengenai teks cerpen yang sudah diterbitkan, maka kajian ini haruslah dilakukan berdasarkan sumber asal iaitu cerpen akhbar *Tamil Nesan*. Oleh itu, pengkaji akan meneliti cerpen-cerpen akhbar-akhbar *Tamil Nesan* berdasarkan objektif kajian.



05-4506832



Pengkaji telah membaca dan meneliti sebanyak 40 buah cerpen dari akhbar *Tamil Nesan*. Dalam proses pembacaan data, pengkaji telah berusaha untuk mengenal pasti protes sosial dan protes sosial yang terkandung dalam setiap cerpen. Selain itu, semasa pembacaan, pengkaji juga berusaha mengenalpasti tema setiap cerpen untuk memastikan objektif pengarang menggunakan protes sosial dalam cerpen-cerpen tersebut.

Pemilihan data dibuat berdasarkan tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti protes sosial, tema dan protes sosial yang digambarkan dalam cerpen. Daripada 300 buah yang diteliti hanya 40 cerpen sahaja yang dipilih bagi tujuan kajian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Protes sosial yang dikenal pasti dalam 40 buah cerpen dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu protes sosial yang berkaitan dengan sosial, ekonomi, politik dan pendidikan.

1.5 Teori Kajian

Teori didefinisikan sebagai satu skema, sistem idea atau pernyataan yang dipegang sebagai penjelasan tentang suatu kumpulan fakta atau fenomena. Dalam erti kata lain yang lebih luas, teori dibentuk melalui penerokaan ke atas sesuatu fenomena dengan mengenal pasti dan meneliti perhubungan antara konsep sekitar fenomena (Othman Lebar; 2009)



05-4506832



Analisis protes sosial



Perpustakaan Tuanku Bainun



TamilTBainun



Malaysia

Analisis protes sosial dalam cerpen akhbar-akhbar merupakan kajian berkaitan dengan kemasyarakatan. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini memerlukan teori sosiologi untuk membantu menghadapi dan memahami isu-isu dalam penyelidikan protes sosial. Sesungguhnya teori sosial adalah penting dalam membolehkan kita menginterpretasi data untuk membincangkan protes sosial.

Cerpen-cerpen yang dipilih, dianalisis berdasarkan pendekatan sosiologi sastera dengan menggunakan Model Pencerminan Georg Lukacs. Pemilihan teori ini dilakukan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi